



NOTIS

(Notis Ketujuh)

**Penggunaan Peralatan Radio Peribadi
(477.0125 MHz hingga 477.4875 MHz dan
477.5250 MHz hingga 477.9875 MHz)**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan ini mengumumkan bahawa Penguntukan Kelas yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 169 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM)1998 untuk peralatan radio peribadi (*'personal radio service'*) yang beroperasi dalam jalur frekuensi **477.0125 MHz hingga 477.4875 MHz** dan **477.5250 MHz hingga 477.9875 MHz** akan dibatalkan **berkuat kuasa pada 1 Januari 2023**. Penggunaan peralatan tersebut tidak akan dibenarkan bermula daripada tarikh tersebut.

Oleh itu, pembelian dan/atau pengimportan baharu peralatan radio peribadi yang beroperasi dalam jalur frekuensi yang dinyatakan adalah tidak digalakkan.

Notis ini dikeluarkan menurut Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Spektrum) 2000.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
**Bahagian Perancangan Spektrum dan Penguntukan
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

MCMC Tower 1,
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel: +60 3 8688 8000

E-mel: class.assignment@mcmc.gov.my

www.mcmc.gov.my